

16/04/2001

Pasaran dijangka terus melantun

Fred Tam

MINGGU lalu, kami mengetengahkan mengenai apa yang dikatakan corak Concealing Baby Swallow dengan menjangkakan kejatuhan berterusan sebelum ini sudah mula menunjukkan tanda pemulihan. Menepati ramalan itu, pasaran membuat lantunan minggu lalu.

Selepas jatuh untuk satu lagi sesi minggu lalu, iaitu pada Isnin, pasaran yang kelihatan cuba menguji paras 62 peratus sokongan Fibonacci pada 550 mata, Indeks Komposit (IK) kelihatan terus melonjak daripada Selasa hingga Jumaat. Minggu lalu, pasaran ditutup 3.93 atau 0.68 peratus lebih tinggi kepada 581.37 mata selepas mengalami kejatuhan mingguan hampir 30 mata. Paras paling rendah minggu lalu ialah 547.72 mata.

Apakah yang menyebabkan pasaran jatuh ke paras 547.72 mata pada Isnin? Sebahagian besarnya ia berpunca daripada kebimbangan melampau dan sentimen pasaran sendiri. Pasaran sudah jatuh sejak 27 Mac kesan kebimbangan tambatan ringgit kepada dolar AS. Spekulasi tambatan nilai ringgit terus membimbangkan pelabur walaupun selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin menyatakan ia tidak akan ditukar.

"Keseluruhannya faktor ringgit minggu lalu membimbangkan pelabur dan ramai yang percaya ia kononnya akan menyebabkan kesan sampingan yang buruk," kata penganalisis. Seorang pegawai kanan syarikat broker pula berkata, penjualan dibuat oleh pelabur institusi dan kejatuhan Dow Jones hanyalah sekadar alasan mereka berbuat demikian.

Kebimbangan ini sampai ke kemuncaknya pada Isnin, tepat seperti yang kami jangkakan sebelum ini. Sentimen pasaran berada di paras paling rendahnya dan ia terbukti dengan penjualan besar-besaran saham mewah seperti Maybank, Telekom dan Tenaga. Isnin lalu saja, Tenaga rugi 85 sen kepada RM8.65, Telekom jatuh 40 sen kepada RM8.70 manakala Maybank pula susut 35 sen kepada RM9.65. Sentimen juga amat lemah sehingga saham papan kedua yang baru muncul, D'nonce Technology tertekan dengan jualan hingga ditutup pada RM1.23, atau 77 sen lebih rendah daripada harga Tawaran Awam Permulaan (IPO).

Bagaimanapun satu-satunya perbezaan mengenai kejatuhan yang berlaku pada Isnin lalu ialah ia bukan yang pertama dialami pasaran. Ia adalah kejatuhan kelimanya. Mengingat kembali aliran Concealing Baby Swallow, ia juga aliran yang ditunjukkan oleh Tenaga dan Telekom, membuktikan ia sudah jatuh pada empat sesi sebelumnya. Oleh itu, kejatuhan pada Isnin ialah klimaks. Ia adalah aliran klasik, kenaikan berlaku semula selepas kejatuhan panjang secara berterusan.

Dengan kenyataan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz yang menegaskan Malaysia tidak akan menilai semula mata wangnya, barulah pelabur yakin ringgit tidak akan dinilai semula. Memang benar, apalah gunanya untuk terus menjual dan menukarkannya kepada dolar Amerika jika nilainya tidak berubah. Ketegasan kerajaan dalam menangani isu ini ialah punca utama berlakunya lantunan. Dari Isnin hingga Rabu, pasaran melantun kerana ketiadaan penjual. Bagaimanapun, pasti ada yang mempertikaikan kenaikan dan ketiadaan penjual itu kerana cuti Hari Easter. Kononnya, apabila mereka kembali, penjualan akan kembali berlaku.

Kini, adakah penjualan akan berlaku apabila pelabur ini kembali? Jawapannya mungkin ya jika mata wang serantau terus turun sehingga memaksa nilai ringgit terhadap dolar AS dikaji semula. Bagaimanapun, dengan mengambil kira ketegasan kerajaan tidak mengubah nilai tambatan itu,

pelabur harus berhati-hati sebelum menjual. Selain itu, dengan pelabur tempatan dan asing semakin ghairah untuk menjual, pembelian semula mungkin memperlihatkan IK kembali ke paras lebih 600-mata.

Sementara itu dalam pada kenaikan mendadak Telekom dan Tenaga minggu lalu, pasaran menunjukkan sokongan belian terhadap kaunter teknologi. Sejajar kenaikan besar 241 mata di Nasdaq, beberapa kaunter teknologi tempatan juga sudah kelihatan menerima isyarat "belian" ini. MPI naik RM1.60 atau 16 peratus kepada RM11.60 manakala Unisem menokok 70 sen atau 8.5 peratus kepada RM7.60. Nikko juga naik 34 sen atau 12.6 peratus kepada RM3.04, CSA naik 70 sen atau 13.2 peratus menjadi RM6.00, Lityan kukuh 19 sen atau 16 peratus kepada 1.38, AIC melonjak 28 sen atau 7.3 peratus kepada RM4.12, AIC-W2 naik 20 sen atau 20.4 peratus kepada RM1.18 manakala LKTInd melambung 39 sen atau 19.8 peratus kepada RM2.35.

Oleh kerana minggu lalu ialah kali pertama kita melihat lonjakan berlaku dalam kaunter teknologi, kami menjangka kenaikan berterusan minggu ini. Kami mengesyorkan supaya tumpuan diberi kepada kaunter teknologi minggu ini. Dalam pada itu, beberapa kaunter papan utama yang termasuk dalam kategori ini juga tidak harus diabaikan. Saham seperti Sapura, Uniphone, Time, Time-W, TR Ind, Camerlyn, HL Ind juga harus diperhatikan. Kami meramalkan kaunter berkenaan akan naik.

Secara teknikalnya, pasaran dijangka meneruskan kenaikan minggu ini. Walaupun jumlah dagangan mungkin menjadi lebih kecil, iaitu kira-kira 100 juta saham, kami menjangka IK akan sekali lagi menguji paras sasaran Fibonacci iaitu antara 596 hingga 611, seterusnya 626 mata. Jika IK boleh melewati paras 626, lantunan seterusnya mungkin memasuki peringkat corak V, pada 663 mata seperti pada 27 Mac lalu.

(END)